

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8272

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah kawalan oleh Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) di sempadan/pintu masuk yang agak meluas di daerah Lawas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) hanya beroperasi di empat (4) buah negeri di sempadan Malaysia-Thailand iaitu Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan sepertimana yang diperuntukkan di bawah arahan MKN No. 15.